

22/02/2001

`Yang penting KM diterima semua pihak'

Lichong Angkui

SIAPA Ketua Menteri Sabah? Inilah persoalan yang menjadi perbualan hangat rakyat Sabah hari ini, ketika penggal dua tahun Datuk Osu Sukam, sebagai Ketua Menteri menerusi sistem penggiliran, menghampiri penghujungnya.

Sementara penganalisis meramalkan sistem penggiliran itu akan diganti dengan suatu formula baru perkongsian kuasa, khabar angin kini bertiup kencang di Negeri Di Bawah Bayu kemungkinan besar Sabah akan mempunyai Ketua Menteri baru dalam tempoh terdekat ini.

Persoalannya, siapa bakal menduduki kerusi eksekutif nombor satu di Tingkat 28, Bangunan Yayasan Sabah itu?

Pemerhati berpendapat jawatan berkenaan tetap dipegang oleh Umno selaku tunjang utama kerajaan Barisan Nasional (BN) Sabah.

Ini tidak boleh dinafikan berikutan kemenangan 100 peratus Umno di semua 24 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah yang ditandinginya pada pilihan raya negeri 1999, kemudian ditambah dua Adun lagi yang menyertainya selepas meninggalkan pembangkang, Parti Bersatu Sabah (PBS).

Dengan kedudukan kukuh itu, Umno berhak menjadi peneraju berbanding parti komponen lain.

Justeru, siapakah antara pemimpin Umno Sabah yang kemungkinan dilantik kelak?

Tiga Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno dari Sabah - Datuk Seri Salleh Tun Said, Datuk Shafie Apdal dan Datuk Lajim Ukin serta Bendahari Umno Sabah, Datuk Musa Aman dan Setiausaha, Datuk Yahya Hussin - adalah antara yang disebut-sebut berkemungkinan menjadi pilihan.

Selain sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Salleh adalah Ketua Menteri Sabah menerusi sistem penggiliran (27 Disember 1994 hingga 28 Mei 1996) dan kini menjadi Ahli Parlimen Kota Belud dan Adun kawasan Usukan.

Shafie yang dianggap sebagai bintang yang kian bersinar di pantai timur Sabah pula ialah Ahli Parlimen Semporna dan kini menjadi Timbalan Menteri Pertahanan.

Lajim yang juga `Janang Gayuh' (pemimpin agung masyarakat Bisaya) ialah Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pembangunan Pertanian dan Industri Pemakanan serta menjadi Adun kawasan Klias.

Yahya yang juga Adun Petagas menyandang jawatan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, manakala Musa yang juga Adun Libaran ialah Menteri di Jabatan Ketua Menteri.

Pada ketika perdebatan umum berterusan mengenai siapa Ketua Menteri Sabah selepas ini, pertimbangan tentunya menjurus kepada ciri-ciri kepemimpinan seseorang bagi mengemudi pentadbiran pada alaf baru.

Senario politik Sabah hari ini memerlukan seorang pemimpin yang diterima semua pihak, termasuk dalam kerabat BN Sabah sendiri, selain berwibawa dan memiliki wawasan tinggi dan nilai murni.

Ini penting untuk menentukan politik Sabah terus stabil, sekali gus dapat membangun dengan pesat sebagaimana negeri lain.

Perlu diakui bahawa geopolitik Sabah, yang sering berkecamuk sejak selepas merdeka, jauh berbeza dengan di Selangor atau negeri lain di Semenanjung.

Sebagai wadah perjuangan orang Melayu dan Bumiputera seluruhnya, Umno perlu menentukan pemimpin yang diangkat tidak mengetepikan mana-mana pihak sehingga menyebabkan ada kaum berasakan diri mereka terpinggir.

Namun, bagi pemimpin parti komponen BN Sabah, sudah tiba masanya sistem

penggiliran itu dikaji semula.

Mereka bersetuju dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri itu ada kelemahan yang diibaratkan sebagai `itik tempang`.

Pemimpin lima parti komponen utama BN Sabah, Datuk Yong Teck Lee (SAPP), Tan Sri Joseph Kurup (PBRs), Tan Sri Bernard Dompok (Upko), Datuk Pandikar Amin Mulia (Akar) dan Datuk Chong Kah Kiat (LDP) sudah memberi mandat kepada Perdana Menteri membuat keputusan mengenai sistem itu.

Diperkenalkan pada 1994, sistem itu membolehkan pemimpin tiga kaum utama di Sabah menjadi Ketua Menteri setiap dua tahun.

Ia didahului dengan kuota Bumiputera Islam dengan penyandangannya Tun Sakaran Dandai (sekarang Yang Dipertua Negeri) dan Salleh, kemudian Cina (Yong) dan Bumiputera bukan Islam (Dompok).

Selepas pilihan raya negeri 1999, sistem itu diteruskan dan Osu dilantik Ketua Menteri sehingga hari ini.

Seorang pemerhati politik ketika ditanya siapa antara pemimpin Umno Sabah yang boleh dilantik, menjawab: "Siapa KM tidak penting. Yang penting Ketua Menteri itu hendaklah diterima semua pihak."

(END)